



# SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

**PERUTUSAN  
YANG BERHORMAT  
DATO SERI SETIA DR HAJI MOHAMMAD ISHAM BIN HAJI JAAFAR  
MENTERI KESIHATAN  
SEMPENA SAMBUTAN MINGGU PENYUSUAN SUSU IBU 2023**

**TEMA:  
“Memudahkan Penyusuan Susu Ibu:  
Menjana Perubahan Bermakna Untuk Ibu Bapa Yang Bekerja”  
“ENABLING BREASTFEEDING: MAKING A DIFFERENCE FOR  
WORKING PARENTS”**

**1 – 7 Ogos 2023**

- I. Pemberian penyusuan susu ibu (PSI) adalah asas yang terbaik dalam memulakan kehidupan anak damit. Amalan ini telah dikenal pasti sebagai salah satu pelaburan yang bijak, kos efektif dan terbukti boleh menjana generasi yang sihat, keluarga yang kukuh dan pembangunan yang mampan. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyarankan agar anak damit diberikan susu badan secara eksklusif (tidak diberikan makanan dan minuman lain) selama enam bulan pertama untuk tumbesaran, perkembangan dan kesihatan yang optimum, selain meneruskan penyusuan sehingga usia anak dua tahun di samping memberi permakanan yang sihat. Amalan penyusuan susu ibu yang optimum mempunyai impak positif ke atas status kesihatan ibu dan kanak-kanak dalam jangka masa pendek dan panjang kerana susu ibu mengandungi nutrien yang istimewa dan sempurna dan tidak terdapat di dalam pengganti susu ibu (*breastmilk substitute*).

2. Dalam pada itu, Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia yang disambut pada setiap 01 hingga 07 Ogos bagi memperingati mesej ini untuk semua. Tema sambutan pada tahun ini ialah: **“Memudahkan Penyusuan Susu Ibu: Menjana Perubahan Bermakna Untuk Ibu Bapa Yang Bekerja (*Enabling Breastfeeding: Making a Difference for Working Parents*)”**. Tema ini menumpukan perhatian terhadap PSI dan kaitannya kepada ibu bapa yang bekerja dimana ianya khusus disasarkan kepada pihak Kerajaan, penggubal dasar, sistem kesihatan, tempat kerja, masyarakat dan ibu bapa sendiri untuk mewujudkan persekitaran mesra PSI dalam kehidupan kerja selepas pandemik.
  
3. Di seluruh dunia, kadar PSI secara eksklusif menurun secara drastik saat dunia dilanda gelombang pandemik COVID-19. Negara Brunei Darussalam adalah tidak terkecuali dari menghadapi cabaran yang sama. Pra-pandemik, Negara Brunei Darussalam hampir mencapai sasaran Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk meningkatkan kadar PSI secara eksklusif dalam tempoh enam bulan pertama sehingga sekurang-kurangnya 50 peratus di mana kadar PSI secara eksklusif bagi negara ini telahpun mencapai 45% sejak pengenalan Dasar Peraturan Cuti Beranak 2011 iaitu peningkatan yang ketara dari 29% pada tahun 2011 kepada 41% pada tahun 2013. Kadar PSI secara eksklusif terus meningkat kepada 47% pada tahun 2019 dengan peningkatan sistem sokongan kesihatan termasuk aktiviti-aktiviti promosi PSI yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan sebelum melahirkan dan selepas melahirkan. Kadar ini adalah tinggi pada tiga bulan pertama sewaktu ibu menjalani cuti beranak, tetapi menurun selepas mereka kembali semula untuk bekerja.

4. Walau bagaimanapun, saat negara dilanda pandemik COVID-19, kadar ini telah menurun ke 45% pada tahun 2021. Oleh itu, Negara Brunei Darussalam perlu bangkit semula untuk mengukuhkan sistem sokongan PSI kepada tahap pra-pandemik demi mencapai sasaran pemakanan global menjelang tahun 2025. Antara lain sebab penurunan kadar PSI di kalangan ibu yang bekerja adalah kerana kurangnya sokongan PSI di tempat kerja seperti kekurangan fleksibiliti semasa waktu bekerja untuk mengepam susu ibu, kekurangan sokongan atau pemahaman di tempat kerja, ketiadaan bilik dan kemudahan yang sesuai untuk mengepam dan juga sifat kerja yang menyukarkan untuk mengepam susu ibu terutamanya bagi wanita yang mempunyai kerjaya yang bukan berasaskan pejabat (*'non-office based career'*).
5. Perlu difahami PSI menggunakan masa bekerja, oleh itu setiap majikan hendaklah memahami kebergantungan proses penghasilan susu ibu itu terletak kepada bekalan dan permintaan. Oleh itu, proses pengepaman perlu diteruskan bagi ibu yang bekerja agar lebih banyak susu ibu dapat dihasilkan dan mencukupi untuk dibekalkan kepada anak damit mereka yang ditinggalkan di rumah atau di pusat jagaan kanak-kanak.
6. Selain daripada itu juga, penyediaan kemudahan PSI yang terlindung, selesa, selamat dan bersih juga boleh meningkatkan sokongan PSI di tempat kerja. Alhamdulillah, perkara ini telah digariskan dalam Piawai Negara Brunei Darussalam: Building Guidelines and Requirements (2017) Kementerian Pembangunan, di mana penyediaan bilik PSI menjadi salah satu kriteria teras (*essential*) bagi membangun kompleks membeli-belah yang baru. Adalah diharap kriteria ini juga boleh dilaratkan kepada bangunan-bangunan awam yang lain termasuk bangunan-bangunan Kerajaan.

7. Antara manfaat amalan PSI secara eksklusif adalah kurangnya risiko pelbagai masalah kesihatan di kalangan anak damit. Oleh itu, pemberian sokongan PSI secara eksklusif yang padu di tempat kerja bagi para ibu yang kembali bekerja selepas melahirkan, akan mendatangkan faedah kepada majikan juga dalam jangka panjang dari segi pengurangan kadar ketidakhadiran ibu bekerja disebabkan anak yang sakit. Justeru itu, hak PSI di kalangan wanita bekerja perlu diteliti semula dari aspek dasar, perundangan dan kesihatan menerusi pendekatan '*Whole-of-Government approach*' untuk mendapatkan impak yang besar bukan sahaja kepada kesihatan awam, malah juga kepada keadaan sosioekonomi masyarakat dan juga kemajuan negara.
  
8. Bersempena Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu tahun ini, marilah kita semua bergerak bersama ke arah mencapai hasrat bagi memastikan setiap anak damit yang dilahirkan di Negara Brunei Darussalam diberikan permulaan yang terbaik dengan melindungi, mempromosi dan menyokong amalan Penyusuan Susu Ibu.

**-TAMAT-**